



## **GARIS PANDUAN PENGURUSAN MURID ASRAMA PULANG SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2021**

### **1 PANDUAN UMUM**

- 1.1 Garis Panduan Pengurusan Murid Asrama Pulang Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2021 bertujuan untuk memastikan pergerakan pulang murid asrama ke rumah dari sekolah dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).
  
- 1.2 Garis panduan ini tertakluk kepada Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021, Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021, SOP Pengurusan Murid Asrama Pulang Sempena Hari Raya Aidilfitri yang diluluskan oleh Sidang Khas MKN COVID-19 pada 26 April 2021 dan Garis Panduan Pengurusan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu Kementerian Pendidikan Malaysia 2.0.

- 1.3 Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pegawai bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pentadbir serta guru di sekolah tentang pengurusan murid asrama pulang bercuti sempena Hari Raya Aidilfitri.
- 1.4 Garis panduan ini terpakai kepada semua sekolah rendah dan sekolah menengah termasuk Kolej Vokasional (KV) dan Kolej Tingkatan Enam (KTE) bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) berdaftar dengan KPM yang mempunyai kemudahan asrama.
- 1.5 Sekolah yang berdaftar dengan agensi kerajaan yang lain dan institusi pendidikan yang tidak berdaftar dengan KPM juga disaran merujuk garis panduan ini.

## **2 PERGERAKAN MURID ASRAMA PULANG KE RUMAH**

- 2.1 Semua murid asrama dibenarkan pulang secara berperingkat sempena cuti Hari Raya Aidilfitri mulai **6 Mei 2021 (Khamis) bagi sekolah Kumpulan A (Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu)** dan **7 Mei 2021 (Jumaat) bagi sekolah Kumpulan B (Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya)**. Murid perlu kembali semula ke sekolah sebelum atau pada **12 Jun 2021 (Sabtu) bagi sekolah Kumpulan A**

dan sebelum atau pada **13 Jun 2021 (Ahad)** bagi sekolah **Kumpulan B.**

- 2.2 Murid asrama yang sedang menjalani kuarantin perlu kekal berada di asrama sehingga tamat tempoh kuarantin.

### **3 KAEDAH PERGERAKAN MURID**

- 3.1 Murid asrama akan pulang ke rumah dengan cara berikut:
- 3.1.1 menaiki bas yang disediakan oleh pihak sekolah;
  - 3.1.2 dijemput oleh ibu bapa/penjaga;
  - 3.1.3 menggunakan pengangkutan udara atau air (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan); atau
  - 3.1.4 menggunakan kenderaan sendiri (hanya untuk pelajar KTE dan pelajar KV).
- 3.2 Bas disediakan oleh sekolah
- 3.2.1 Sekolah akan menyediakan bas untuk murid pulang mengikut jadual yang ditetapkan.
  - 3.2.2 Senarai nama dan maklumat pergerakan murid (lokasi *drop off point*, nombor telefon ibu bapa/penjaga, nombor pendaftaran bas) disediakan.
  - 3.2.3 Sekolah memaklumkan jadual pergerakan murid kepada ibu bapa/penjaga. Ibu bapa/penjaga perlu menjemput anak/anak jagaan mereka di lokasi yang telah ditetapkan.

- 3.2.4 Bas yang akan digunakan perlu diselenggara dan berada dalam keadaan selamat, disanitasi dan mempunyai pemandu kedua.
- 3.2.5 Guru bertugas akan menyelaras pergerakan murid berdasarkan jadual yang disediakan dan memantau perjalanan sehingga murid tiba di destinasi.
- 3.2.6 Murid akan diturunkan di lokasi yang ditetapkan.
- 3.2.7 JPN/PPD akan menghantar murid ke destinasi terdekat atau rumah mereka sekiranya ibu bapa/penjaga tidak dapat menjemput anak/anak jagaan di lokasi yang ditetapkan.

### **3.3 Kenderaan ibu bapa/penjaga**

- 3.3.1 Ibu bapa/penjaga dibenarkan menjemput anak/anak jagaan di asrama untuk pulang ke rumah.
- 3.3.2 Surat pengesahan bagi tujuan pergerakan ibu bapa/penjaga merentas negeri/zon akan dikeluarkan oleh pihak sekolah bagi setiap murid.
- 3.3.3 Kebenaran ini adalah untuk dua (2) orang ibu bapa/penjaga sahaja dalam setiap kenderaan.
- 3.3.4 Pihak sekolah/KTE/KV akan memaklumkan jadual pergerakan pulang murid kepada ibu bapa/penjaga.
- 3.3.5 Ibu bapa/penjaga yang sihat sahaja dibenarkan menjemput anak/anak jagaan di tempat yang ditetapkan oleh pihak sekolah (pick up point).

### **3.4 Pengangkutan udara atau air (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan)**

- 3.4.1 Pihak sekolah perlu menghantar murid ke lapangan terbang atau terminal mengikut jadual perjalanan.
- 3.4.2 Pihak sekolah perlu memastikan murid selamat sehingga selesai urusan daftar masuk (check in).
- 3.4.3 Guru pengiring perlu memaklumkan sebarang perubahan jadual penerbangan atau perjalanan kepada ibu bapa/penjaga.
- 3.4.4 Murid perlu mematuhi SOP pengangkutan udara atau air dan SOP negeri yang dimasuki.

### **3.5 Kenderaan sendiri (hanya untuk pelajar Tingkatan Enam dan KV)**

- 3.5.1 Pelajar perlu mendapatkan surat pengesahan daripada sekolah/KTE/KV masing-masing bagi pergerakan merentas negeri.
- 3.5.2 Kos perjalanan ditanggung sendiri oleh pelajar.
- 3.5.3 Pelajar perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

## **4 TANGGUNGJAWAB**

### **4.1 Pentadbir Sekolah**

- 4.1.1 Menyelaras pengurusan perjalanan bersama-sama JPN, PPD dan ibu bapa/penjaga.

- 4.1.2 Memberi taklimat kepada semua pihak yang terlibat berkaitan pengurusan penghantaran murid.
- 4.1.3 Memantau pergerakan murid sehingga selamat sampai ke destinasi dan dijemput oleh ibu bapa/penjaga atau kenderaan yang disediakan oleh JPN/PPD.
- 4.1.4 Memastikan murid dibekalkan Borang Pengisytiharan Kesihatan sebelum perjalanan.
- 4.1.5 Menyediakan pengimbas suhu.
- 4.1.6 Memberi taklimat keselamatan kepada murid sebelum menaiki bas.
- 4.1.7 Memastikan murid membawa keperluan peribadi termasuk keperluan solat, makanan dan minuman (keperluan untuk berbuka puasa).
- 4.1.8 Memastikan pemandu bas membuat pengisytiharan tahap kesihatan.

## **4.2 Ibu Bapa/Penjaga**

- 4.2.1 Mendapatkan maklumat perjalanan dan ketibaan anak/anak jagaan masing-masing daripada pentadbir sekolah.
- 4.2.2 Mendapatkan surat pengesahan perjalanan daripada sekolah sekiranya menggunakan kenderaan sendiri untuk menjemput anak/anak jagaan.

### **4.3 Murid**

- 4.3.1 Membawa keperluan peribadi untuk kegunaan semasa perjalanan.
- 4.3.2 Sentiasa menjaga penjarakan fizikal, memakai pelitup muka dan menjaga kebersihan diri sepanjang perjalanan.

### **4.4 JPN/PPD**

- 4.4.1 Membantu pihak sekolah menyelaras perjalanan murid.
- 4.4.2 Mengurus ketibaan murid di lokasi dan memastikan semua murid dijemput oleh ibu bapa/penjaga.
- 4.4.3 Menghantar murid ke destinasi terdekat atau rumah mereka menaiki bas yang disediakan oleh JPN/PPD sekiranya ibu bapa/penjaga tidak dapat menjemput anak/anak jagaan di lokasi yang ditetapkan.

## **5 PENGURUSAN SOP MURID ASRAMA DI KAWASAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

- 5.1 Murid asrama di kawasan PKPD tidak dibenarkan pulang ke rumah sehingga tempoh PKPD ditamatkan.
- 5.2 Keperluan makan, minum dan kebajikan murid dalam tempoh PKPD akan disediakan oleh pihak sekolah bawah pemantauan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).
- 5.3 Tiada tetamu dan pelawat luar dibenarkan masuk ke kawasan sekolah.

5.4 Wakil keluarga boleh menghubungi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dan mengemukakan permohonan pergerakan kepada pihak PDRM sekiranya berlaku kes kecemasan seperti sakit dan kematian.

## **6 KEMBALI KE ASRAMA**

6.1 Pihak sekolah akan memaklumkan dari semasa ke semasa kaedah penghantaran anak ke asrama.

6.2 Ibu bapa/penjaga perlu memastikan murid sihat dan tidak bergejala serta ahli keluarga yang tinggal serumah tidak dalam tempoh menjalani kuarantin atau disahkan sebagai kontak rapat.

6.3 Murid perlu menjalani saringan kesihatan dan mengemukakan borang pengisytiharan kesihatan apabila mereka kembali ke asrama.

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**1 MEI 2021**